



TAWARAN PELAWAAN SEBAGAI CALON PENULIS BUKU TEKS SEKOLAH RENDAH UNTUK KEGUNAAN MULAI TAHUN 2022

Tawaran dibuka kepada calon penulis yang berkebolehan, berpengalaman, berkelayakan dan mempunyai kepakaran serta memenuhi syarat yang ditetapkan bagi menulis buku teks mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 6 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Tahun 6 untuk kegunaan mulai tahun 2022 yang dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Calon penulis dipelawa untuk menulis buku teks mata pelajaran KSSR Tahun 6 seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu Tahun 6 SK
- Bahasa Melayu Tahun 6 SJK
- Bahasa Arab Tahun 6
- Pendidikan Islam Tahun 6
- Pendidikan Moral Tahun 6 SK
- Matematik Tahun 6 SK
- Sains Tahun 6 SK
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 6 SK
- Reka Bentuk dan Teknologi Tahun 6 SK
- Sejarah Tahun 6 SK
- Pendidikan Seni Visual Tahun 6 SK
- Pendidikan Muzik Tahun 6 SK
- Bahasa Cina Tahun 6 SK
- Bahasa Tamil Tahun 6 SK
- Bahasa Iban Tahun 6
- Bahasa Kadazandusun Tahun 6
- Bahasa Semai Tahun 6

Untuk buku teks mata pelajaran KSSRPK Tahun 6 seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Islam (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Matematik (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Seni Visual (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Muzik (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- English (Learning Disabilities) Year 6
- Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pendidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Pengurusan Kehidupan (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Kemahiran Hidup Asas (Masalah Pembelajaran) Tahun 6
- Bahasa Melayu (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6
- Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6
- Bahasa Isyarat Komunikasi (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6
- Kemahiran Asas Individu (Ketidakupayaan Penglihatan) Tahun 6

Syarat Permohonan

1. Calon penulis yang ingin menyertai program penulisan ini hendaklah daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 60 tahun.

2. Permohonan tawaran hendaklah dibuat secara berkumpulan (minimum 2 orang dan maksimum 4 orang).
3. Penulis yang sedang menulis buku teks dengan penerbit lain untuk kegunaan tahun yang sama (tahun 2022) tidak layak menyertai program penulisan ini.
4. Calon penulis sekurang-kurangnya mempunyai sijil, diploma, ijazah dalam mata pelajaran dan bidang berkenaan. Salinan sijil akademik yang disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional perlu disertakan sebagai bukti kelulusan akademik.
5. Calon penulis mahir dan menguasai hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran berkenaan.
6. Calon penulis sebaik-baiknya mempunyai pengalaman menulis. Salinan kulit buku atau hasil penulisan atau bukti yang berkaitan perlulah disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional dan disertakan sebagai bukti hasil penulisan.
7. Calon penulis mempunyai pengetahuan am yang luas dan terkini yang ada kaitannya dengan mata pelajaran berkenaan.
8. Calon penulis yang dipilih mestilah sanggup serta berkemampuan dan berkeupayaan melaksanakan tugas penulisan dalam masa yang ditetapkan.
9. Calon penulis yang dipilih mestilah sanggup memberikan kerjasama bagi menjayakan penulisan dan penerbitan buku teks dan boleh bekerja sebagai satu pasukan.
10. Calon penulis yang dipilih tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran menghadiri bengkel/mesyuarat yang dilaksanakan oleh DBP atau Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penulis yang tidak hadir bengkel/mesyuarat boleh digugurkan daripada program penulisan ini.
11. Calon penulis yang dipilih akan tertakluk kepada peraturan, jadual serta arahan daripada pihak DBP dan BSTP, KPM dari semasa ke semasa.
12. Segala urusan dan kos bagi penulisan buku teks ini seperti menyediakan manuskrip 100%, menghadiri mesyuarat atau bengkel yang berkaitan adalah atas tanggungan penulis sendiri melainkan diputuskan sebaliknya oleh DBP.
13. Calon penulis dan penulis mestilah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.
14. Pegawai DBP, Pegawai KPM dari BSTP dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) tidak layak untuk memohon tawaran ini.
15. DBP berhak menggugurkan calon penulis yang dipilih sekiranya didapati melakukan sebarang bentuk penipuan yang berkaitan dengan permohonan.

Cara Pembelian Dokumen

1. Pembelian dokumen boleh dilakukan oleh wakil kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan manuskrip berdasarkan Panduan Penulisan, Dokumen Standard

Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) serta Spesifikasi buku yang diperoleh dalam dokumen yang dibeli.

2. Dokumen ini boleh dibeli dengan harga **RM50.00 secara dalam talian mulai 11 hingga 18 Januari 2021**, dari pukul **9.00 pagi hingga 4.30 petang**.

3. Tatacara Pembayaran Secara Dalam Talian

3.1 Pembelian dokumen hanya dibenarkan secara dalam talian ke akaun DBP seperti yang berikut:

Nama Akaun : **Dewan Bahasa dan Pustaka**
Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad**
No akaun : **14-023-01-001800-2**

3.2 Masukkan **Nama penulis** dan **Mata Pelajaran** pada rujukan bayaran seperti yang berikut:

The image shows a screenshot of the Bank Islam online payment interface for a 'Third Party Account Transfer (Step 3 of 3)'. The form is divided into several sections: Transaction Status, Transfer Details, and Recipient Details. Annotations with arrows point to specific fields:

- Transfer Amount:** 50.00. Annotation: "Masukkan amaun RM50".
- Recipient Name:** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. Annotation: "Tulis nama penulis".
- Recipient Reference:** Ashraf bin Ahmad. Annotation: "Tulis mata pelajaran".
- Other Payment Details:** Bahasa Melayu Thn 6 SK. Annotation: "Tulis mata pelajaran".
- Recipient E-mail:** hawa@dbp.gov.my. Annotation: "Masukkan e-mel penerima".

Transaction Status	
Status :	Successful
Date / Time :	02-Dec-2020 15:36:02 MYT
Reference Number :	105738088481

Transfer Details	
From Account :	Savings Account -
Transfer Type :	Fund Transfer to Savings/Current
Transfer Amount :	50.00
Effective Date :	Today

Recipient Details	
Recipient Account :	Current Account - 14023010018002 MYR
Recipient Name :	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Recipient Reference :	Ashraf bin Ahmad
Other Payment Details :	Bahasa Melayu Thn 6 SK
Recipient E-mail :	hawa@dbp.gov.my

3.3 Simpan salinan lembut slip bayaran dalam format PDF.

3.4 E-melkan slip bayaran kepada **hawa@dbp.gov.my** dan **nurulzahidah@dbp.gov.my** dengan mengemukakan perincian maklumat lengkap seperti yang berikut:

- Nama
- No. Kad Pengenalan
- No. Telefon

- iv. Alamat surat menyurat
 - v. E-mel
 - vi. Mata Pelajaran
- 3.5 Pastikan subjek e-mel diletakkan sebagai **Penulis BT 2022-Mata Pelajaran**.
Contoh: Penulis BT 2022-Pendidikan Islam Tahun 6
- 3.6 Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Puan Hawa Zurina binti Ra'ee** melalui talian **03-21479084** atau **Puan Nurul Zahidah binti Harun** melalui talian **03-21479072**.
4. Resit asal pembelian perlu disertakan sebagai bukti pembelian.

Cara Penyerahan Manuskrip dan Borang Biodata Penulis

1. Setiap kumpulan penulis dikehendaki menghasilkan manuskrip. Manuskrip yang telah disiapkan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, ditulis perkataan "**PROJEK BUKU TEKS 2022 dan nama mata pelajaran yang dimohon**" di penjuru kiri sebelah atas sampul dan dihantar melalui serahan tangan atau pos ke Bahagian Kewangan dan Bekalan, Aras 27, Menara DBP **sebelum atau selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari pada:**
- i. **3 Mac 2021 (Rabu) untuk mata pelajaran KSSRPK**
 - ii. **4 Mac 2021 (Khamis) untuk mata pelajaran KSSR**

Contoh:

**PROJEK BUKU TEKS 2022
BAHASA MELAYU TAHUN 6 SK**

Kepada:

Bahagian Kewangan dan Bekalan
Aras 27, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Dewan Bahasa
50460 Kuala Lumpur

2. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penyerahan atau penyertaan.
3. Bahan yang perlu dihantar:
- i. Manuskrip sebanyak dua salinan hitam putih yang dijilid secara jilid sisir (*comb binding*).
 - ii. Salinan lembut manuskrip dalam bentuk PDF, disimpan dalam cakera padat atau pemacu pena.
 - iii. Borang biodata setiap penulis dalam kumpulan.
 - iv. Resit asal pembelian dokumen.

4. Sebarang maklumat lanjut berhubung dengan perkara ini, sila hubungi pegawai yang berkenaan atau editor mata pelajaran pada waktu pejabat:

Maklumat Umum: Puan Noriyani binti Yusoff
No. Tel: 03-21479573
E-mel: noriyani@dbp.gov.my

dan

Encik Zukari bin Ismail
No. Tel: 03-21479505
E-mel: zukari@dbp.gov.my

Ganjaran

Ganjaran penulisan akan diputuskan oleh Mesyuarat Pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keputusan Penawaran

Keputusan penawaran ini adalah muktamad. Walau bagaimanapun, penawaran ini tertakluk pada dasar perolehan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

SENARAI EDITOR KSSR TAHUN 6

BIL.	MATA PELAJARAN	EDITOR	NO. TELEFON/ E-MEL
1.	Bahasa Melayu Tahun 6 SK	Hazimah binti Yusof	03-21479745/ hazimah@dbp.gov.my
2.	Bahasa Melayu Tahun 6 SJK	Fazilah binti Mohamedeni	03-21479541/ fazilah@dbp.gov.my
3.	Sejarah Tahun 6 SK	Rohaida binti Baharuddin	03-21479542/ rohaida@dbp.gov.my
4.	Matematik Tahun 6 SK	Ainol Rafezah binti Alias	03-21479576/ ainil@dbp.gov.my
5.	Sains Tahun 6 SK	Magdaline Carol Anak Eteng@Ating	03-21479461/ magdaline@dbp.gov.my
6.	Pendidikan Islam Tahun 6	Roosnita binti Md Yusof	03-21479552/ roosnita@dbp.gov.my
7.	Pendidikan Moral Tahun 6 SK	Mohd Hadi bin Roslan	03-21479579/ hadi@dbp.gov.my

BIL.	MATA PELAJARAN	EDITOR	NO. TELEFON/ E-MEL
8.	Reka Bentuk dan Teknologi Tahun 6 SK	Hafizul bin Adnen	03-21479742/ hafizul_adnen@dbp.gov.my
9.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 6 SK	Norfadhilah binti Mahdi	03-21479554/ norfadhilah@dbp.gov.my
10.	Pendidikan Muzik Tahun 6	Ana Suhana binti Zainuddin	03-21479549/ a_suhana@dbp.gov.my
11.	Pendidikan Seni Visual Tahun 6 SK	Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman	03-21479730/ Ku.nurul@dbp.gov.my
12.	Bahasa Arab Tahun 6	Zaida binti Ahmad	03-21479578/ zaida@dbp.gov.my
13.	Bahasa Cina Tahun 6 SK	Noor Roza binti Hassan	03-21479553/ nroza@dbp.gov.my
14.	Bahasa Tamil Tahun 6 SK	Wan Mohammad Afifi bin Wan Zainudin	03-21479580/ afifi@dbp.gov.my
15.	Bahasa Iban Tahun 6	Chiew Anak Serit	082-227034/ chiew@dbp.gov.my
16.	Bahasa Kadazandusun Tahun 6	Rayner J. Francis	088-439260/ rayner@dbp.gov.my
17.	Bahasa Semai Tahun 6	Azizah binti Ahmad	03-21479557/ azizah@dbp.gov.my

SENARAI EDITOR KSSRPK TAHUN 6

BIL.	MATA PELAJARAN	EDITOR	NO. TELEFON/ E-MEL
1.	Bahasa Melayu (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6	Azihani binti Md. Mizan	03-21479551/ azihani@dbp.gov.my
2.	Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6	Zawinnajah binti Md Kaslan	03-21479548/ zawin@dbp.gov.my
3.	Bahasa Isyarat Komunikasi (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 6	Nurul Adilah binti Hmdan	03-21479583/ nuruladilah@dbp.gov.my

BIL.	MATA PELAJARAN	EDITOR	NO. TELEFON/ E-MEL
4.	Kemahiran Asas Individu (Ketidakupayaan Penglihatan) Tahun 6	Zaidi bin Ismail	03-21479569/ zaidi_i@dbp.gov.my
5.	Pengurusan Kehidupan (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Zaidah Ahmad Rosly	03-21479572/ zaidahar@dbp.gov.my
6.	Pendidikan Islam (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Sufi Noryani binti Supian	03-21479550/ sufinoryani@dbp.gov.my
7.	Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Mohd 'Udzair bin Depanaik	03-21479716/ udzair@dbp.gov.my
8.	Bahasa Melayu (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Niarwati binti Jepon	03-21479543/ w_niar@dbp.gov.my
9.	English (Learning Disabilities) Year 6	Mohamad Arshad bin Sulaiman	03-21479740/ m_arshad@dbp.gov.my
10.	Matematik (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Asmahanim binti Ab Rahman	03-21479747/ asmahanim@dbp.gov.my
11.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Suzana Akma binti Sharifudin	03-21479571/ suzana.akma@dbp.gov.my
12.	Pendidikan Muzik (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Nada Haifaa binti Remlee	03-21479731/ Nada.haifaa@dbp.gov.my
13.	Pendidikan Seni Visual (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Baharin bin Aiyob	03-21479547/ baharin@dbp.gov.my
14.	Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Norzainatul Adian binti Mat Daud	03-21479750/ norzainatul@dbp.gov.my
15.	Pendidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Muhammad Faiz bin Mohammad Ali	03-21479577/ faiz@dbp.gov.my
16.	Kemahiran Hidup Asas (Masalah Pembelajaran) Tahun 6	Nurdiana binti Mohd Nor	03-21479560/ nurdiana@dbp.gov.my